

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

Kekal OPR, naikkan kadar gaji mampu reda ‘amarah’ rakyat



Sekurang-kurangnya, ada dua berita gembira utama untuk rakyat semalam. Pertama, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) membuat keputusan mengekalkan kadar dasar semalam (OPR) pada 3 peratus.

Kedua, kerajaan bersetuju mengkaji semula skim gaji perkhidmatan awam dengan perlinangan awal mengetahui akan dibangkitkan pada Mesyuarat Jemaah Menteri, minggu hadapan.

Pengekalan OPR sudah tentu melegakan rakyat kerana beban membayar hutang bulanan tidak meningkat walaupun pendapatan tidak berubah. Apa yang penting, rakyat tidak perlu menambah jumlah bayaran hutang bulanan sama ada perumahan, kederaan atau pinjaman peribadi.

Hakikatnya, rakyat ketika ini terpaksa mengutamakan ‘isi perut dan tanggungan’ dulu berbanding memikirkan kesan OPR kekal terhadan ekonomi negara. Bermakna, rakyat dapat memaksimumkan tunai di tangan bagi membuat perbelanjaan berkeperluan jangka pendek atau terus menabung untuk kepentingan masa hadapan selain melabur.

Apakah lagi ketika Pilihan Raya Negeri (PRN) di Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Kelantan dan Terengganu bakal diadakan pada bulan depan, pengekalan OPR juga dilihat sebagai strategi politik kerajaan untuk meredakan ‘amarah’ rakyat terutama pengundi untuk menghadapi pilihan raya di enam negeri terbabat.

Sementara itu, kesedian kerajaan mengkaji semula skim gaji perkhidmatan awam turut menarik perhatian kerana sejak 2002, skim saraan tidak berubah. Jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang unjuran kenaikan akan dimuktamadkan adalah berita baru kepada penjawat awam.

Walaupun tempoh merealisasikan pelaksanaan skim gaji perkhidmatan awam baharu belum menjelma, sekurang-kurangnya rancangan kerajaan ini dapat merangsang seorang penjawat awam untuk terus komited melaksanakan tanggungjawab kepada negara dan masyarakat.

CUEPACS sebelum ini mencadangkan skim gaji penjawat awam dinaikkan, terutama gaji minimum daripada RM1,200 kepada RM1,800 selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bermatlamat menjadikan masyarakat negara berpendapatan tinggi menjelang 2025.

Kenaikan gaji itu sudah tentu menjadi harapan penjawat awam untuk mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup, selain membolehkan mereka menjalani kehidupan sedikit selsa. Bahkan, ketika ini gaji minimum sektor swasta turut dinaikkan kepada RM1,500 sebulan.

Bagaimanapun, penetapan gaji minimum sektor swasta ini juga dilihat masih rendah berbanding kenaikan kos sara hidup perlu ditanggung pekerja hari ini. Atas faktor itu, pakar buruh antarabangsa, Callistus Antony D’angelus menyarankan kerajaan merangka satu mekanisme khusus untuk membolehkan kenaikan gaji minimum pekerja dilaksanakan berpaduan kos sara hidup semasa.

Sukar untuk menafikan, gaji minimum RM1,500 amat tidak mencukupi pada masa ini untuk menampung keperluan hidup sesiapa sahaja, terutama mereka yang tinggal bandar besar. Kerajaan MADANI seharusnya tidak lepas pandang isu ini demi kelestarian hidup rakyat.